



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

20/2023

KENYATAAN MEDIA

PROGRAM JELAJAH USAHAWAN DAN KOPERASI MADANI 2023 (PJUKM 2023) NEGERI SEMBILAN

NILAI, 22 JUN 2023 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) menerusi agensinya SME Bank, Amanah Ikhtiar Malaysia, SME Corp. Malaysia, TEKUN Nasional, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Bank Rakyat telah menyalurkan geran pembiayaan dan bantuan perniagaan sebanyak RM38,779,995.00 kepada usahawan dan koperasi yang berdaya maju di Majlis Pelancaran Program Jelajah Usahawan dan Koperasi MADANI (PJUKM) Negeri Sembilan bersempena dengan penganjuran Karnival Negeri Sembilan (NS *Fest* 2023) pada 22 hingga 25 Jun 2023.

Sesi penyampaian *mock cheque* telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan bersama YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

PJUKM merupakan inisiatif KUSKOP bagi mewujudkan ekosistem keusahawanan inklusif yang memberikan pendedahan serta maklumat berkenaan program dan inisiatif di bawah KUSKOP dan Agensinya. Secara tidak langsung program ini dapat memperkasakan agenda keusahawanan dalam kalangan usahawan di peringkat negeri.

Antara pengisian utama program ialah Jualan MADANI Koperasi dan Usahawan (JMKU) yang menawarkan barangan keperluan asas seperti beras, gula, minyak masak dan produk-produk koperasi pada kadar 20%-30% lebih rendah dari

harga pasaran selaras dengan usaha Kerajaan membantu rakyat yang terkesan dengan peningkatan kos sara hidup.

Selain itu, turut diadakan sesi perkongsian maklumat kepada usahawan dan komuniti setempat mengenai inisiatif-inisiatif keusahawanan seperti Program Bantuan Pematuhan Siji Halal daripada CEDAR, Taklimat Pembiayaan Perniagaan SME Bank, INSKEN BizClinic serta pameran KUSKOP dan agensi di bawahnya.

Pelaksanaan PJUKM ini diharap dapat merancakkan semula aktiviti keusahawanan dan koperasi di Malaysia khususnya di Negeri Sembilan selari dengan nilai Ihsan dan Kesejahteraan Malaysia MADANI yang diterjemahkan dengan jelas iaitu memberi keuntungan dan manfaat kepada rakyat.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

22 JUN 2023